

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status cadangan membina blok bangunan tambahan 3 tingkat kediaman staf akademik dan staf bukan akademik di IPG Kampus Sarawak Miri yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia ke-11 Rolling Plan 3.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, projek pembinaan blok bangunan tambahan 3 tingkat kediaman staf akademik dan staf bukan akademik di Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Sarawak, Miri telah diluluskan dibawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan kos berjumlah RM7 juta.

Berdasarkan kepada keperluan semasa dan selaras dengan pendekatan “*design to cost*”, skop asal projek pembinaan blok bangunan tambahan 3 tingkat kediaman (16 unit) ini telah dipinda kepada pembinaan 5 blok kuarters kelas F berkembar (10 unit). Agensi pelaksana bagi projek adalah Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah diiklankan pada 26 September 2020 dan tarikh tutup iklan tender pada 19 Oktober 2020. Surat Setuju Terima dijangka akan dikeluarkan pada Januari 2021 dan tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 18 bulan. Sekian, terima kasih.